

HARIAN METRO

Muhammad Saufi Hassan
saufi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Model 'Koperasi Kariah Masjid' boleh dijadikan kaedah baru untuk menjana pendapatan sekali gus membentuk penduduk setempat serta ahli koperasi jenis itu untuk meraih pendapatan sampingan menerusi pelbagai bidang perniagaan.

Biarpun koperasi jenis itu adalah model perniagaan baru, namun kaedah berkenaan membuka pelbagai ruang untuk memperoleh pendapatan sampingan selain merencanakan ekonomi penduduk setempat.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, banyak bidang perniagaan boleh diceburi oleh koperasi model ini sama seperti jenis lain.

"Mereka (ahli koperasi ini) boleh mencuba bidang perniagaan dalam sektor hartanah, perniagaan runcit, pelancongan dan sebagainya. Cuma memerlukan mereka kreatif dalam memikirkan bidang perniagaan untuk diceburi.

"ANGKASA optimis baha-



ABDUL Fattah (tengah) melihat laporan Mesyuarat Agung Tahunan 2016 Koperasi Kariah Masjid Bukit Indah Ampang Berhad.

Jana pendapatan ahli kariah

■ **ANGKASA** sasar tubuh 1,000 Koperasi Kariah Masjid

wa koperasi kariah ini akan mencapai perolehan keuntungan melebihi RMI juta jika semua pihak berganding bahu menjayakan model koperasi baru itu," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Beliau hadir merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kariah Masjid Bukit Indah, Ampang, dekat sini.

Katanya, negara ini mempunyai kira-kira 6,222 masjid, manakala surau yang boleh mendirikan solat Jumaat

berjumlah 344 dan angka itu menunjukkan jaringan yang begitu luas untuk menjayakan koperasi ini.

Sehingga kini, Abdul Fattah berkata, sebanyak 409 koperasi kariah sudah ditubuhkan manakala 483 lagi masih dalam proses penubuhan.

"Kita menyasarkan sebanyak 1,000 koperasi kariah masjid ditubuhkan dalam tempoh setahun dua ini dan berdasarkan situasi terkini, sasaran itu mampu dicapai," katanya.

Mengulas lanjut berhubung perkara itu, katanya, model perniagaan berkenaan mampu berjaya dengan cemerlang kerana membitkan jumlah koperasi yang besar jika semua masjid di seluruh negara mengambil langkah sedemikian.

"Jumlah ini amat besar dan jika kita menggunakan sepenuhnya iaitu semua masjid mempunyai koperasi kariah, sudah pasti ia satu perniagaan yang amat kukuh," katanya.

20-02-2017

setempat

39

A